

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.03.01/10.12/3 (18)
Tarikh : 15 Februari 2019

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato' Sri/ YH Prof. Dato' / YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2019
TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYIARAN PENGIKLANAN MELALUI
MEDIA CETAK DAN MEDIA ELEKTRONIK BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2019 iaitu Tatacara Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media Cetak Dan Media Elektronik Bagi Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato' Sri/ YH Prof. Dato' / YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

ZO/HAI/Pekeliling Bendahari



PEKELILING BENDAHARI BIL 2 TAHUN 2019

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato' Sri/ YH Prof. Dato'/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYIARAN PENGIKLANAN MELALUI MEDIA CETAK DAN MEDIA ELEKTRONIK BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini adalah untuk memaklumkan tatacara perolehan bagi perkhidmatan penyiaran pengiklanan melalui media cetak dan media elektronik bagi Universiti Malaysia Pahang (UMP).

LATAR BELAKANG

- 2.1 UMP menggunakan media cetak, media elektronik, papan iklan dan media sosial sebagai saluran komunikasi bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai;
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan kali ke 38 Bil 4/2018 bersetuju UMP mewujudkan tatacara perolehan perkhidmatan iklan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan PK7.9 Tatacara Perolehan Perkhidmatan

Penyiaran Pengiklanan Melalui Media Cetak (Slot Iklan – *Advertisement Space*) dan Media Elektronik (Slot Masa – *Air Time*);

TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYIARAN PENGIKLANAN

3.1 Takrifan media adalah seperti berikut:

3.1.1 Media cetak bermaksud alat atau saluran komunikasi yang berupa bahan cetakan atau terbitan seperti surat khabar, majalah, jurnal, sisipan akhbar yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan cepat dalam masa yang singkat.

3.1.2 Media elektronik bermaksud alat atau saluran komunikasi yang berupa atau yang menggunakan alat-alat elektronik seperti radio, televisyen yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan cepat dalam masa yang singkat.

3.1.3 Media lain yang dikenalpasti dari semasa ke semasa seperti papan iklan luar (*billboard*), papan iklan luar elektronik (*billboard elektronik*), media sosial berbayar dan lain-lain yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan cepat dalam masa yang singkat.

3.2 **Kaedah Dan Had Nilai Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan**

3.2.1 UMP adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan perkhidmatan penyiaran pengiklanan secara rundingan terus tanpa had nilai melalui pemilik media dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus mengikut had nilai yang ditetapkan;

3.2.2 Perolehan membuat iklan (perekaan dan penulisan) melalui syarikat pengiklanan hendaklah mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa;

3.3.3 Had Nilai Perolehan Dan Pihak Berkuasa Melulus

Bil	Had Nilai Perolehan (Bagi Setiap Perkhidmatan)	Pihak Berkuasa Melulus	Tanggungjawab
1.	Sehingga RM50,000.00	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa	Memastikan semua urusan berkaitan
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebutharga Universiti	pelantikan pemilik media mematuhi dasar dan prinsip-
3.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan	prinsip perolehan Kerajaan serta amalan tadbir urus baik

3.3.4 Fakulti/Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perolehan Jabatan Bendahari dengan mengemukakan dokumen berikut:

- (a) Borang permohonan perolehan
- (b) Sebutharga daripada pemilik media
- (c) Sijil Kementerian Kewangan syarikat pemilik media
- (d) Kertas kerja permohonan yang ditandatangani oleh semua Jawatankuasa Penilai

3.3 Syarat-Syarat

3.3.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;

3.3.2 Pelantikan dibuat di kalangan pemilik media yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 222001 (media elektronik

- tidak termasuk kerja percetakan), 222002 (media cetak - tidak termasuk kerja percetakan); dan

3.3.3 Kadar harga perkhidmatan slot masa siaran hendaklah dipamerkan di laman *website* dan boleh diakses oleh orang awam bagi media elektronik.

3.4 Jawatankuasa Penilaian

3.4.1 Fakulti/Jabatan hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian dengan keahlian terdiri daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurangnya seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Dekan.

3.4.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian adalah seperti berikut:

- (a) Memastikan syarat-syarat yang dinyatakan di atas dipatuhi;
- (b) Memastikan skop perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat memenuhi keperluan UMP;
- (c) Memastikan harga yang ditawarkan adalah munasabah, paling menguntungkan serta bersesuaian dengan skop perkhidmatan yang diperlukan. Perbandingan antara satu tawaran dengan tawaran yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*);
- (d) Memilih media dan medium yang bersesuaian supaya dapat memberi impak maksimum kepada kumpulan sasaran bagi mencapai objektif pengiklanan berdasarkan data kepopularan (*rating*) penggunaan pemilik media yang sah;
- (e) Menilai kemampuan syarikat dengan mengambil kira faktor seperti kewangan dan teknikal dan lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh UMP;
- (f) Memperakukan kepada Pihak Berkuasa Melulus, pemilik media yang layak berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan UMP; dan

- (g) Sebarang pengurangan kadar harga yang dipamer atau ditawarkan oleh pemilik media adalah dibenarkan sebagai penjimatan kepada Universiti selaras dengan prinsip nilai faedah terbaik. Perkara ini hendaklah diminitkan oleh Jawatankuasa Penilaian.

3.5 Tatacara Perolehan Slot Masa Siaran Iklan Radio Dan Televisyen RTM

- 3.5.1 Bagi perolehan slot masa siaran iklan radio dan televisyen RTM, UMP hendaklah melaksanakan perolehan tersebut secara pembelian terus tanpa had nilai menerusi Bahagian Pemasaran dan Promosi RTM, Jabatan Penyiaran Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/DEKAN

- 4.1 Ketua Jabatan/Dekan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara berikut dipatuhi:
 - 4.1.1 Menentukan pelaksanaan perolehan perkhidmatan penyiaran pengiklanan melalui media cetak dan media elektronik mematuhi sepenuhnya semua peraturan dan tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa;
 - 4.1.2 Memastikan peruntukan telah diluluskan dan mencukupi sebelum sesuatu perolehan itu dilaksanakan;
 - 4.1.3 Memastikan harga bagi perkhidmatan yang diperoleh adalah munasabah, paling menguntungkan, berkualiti serta bersesuaian dengan keperluan;
 - 4.1.4 Mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi memastikan aktiviti penyiaran pengiklanan dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja dan dibuat pada tahap yang sederhana dan tidak melibatkan perbelanjaan yang besar serta membazir;
 - 4.1.5 Memastikan syarikat yang dilantik mematuhi obligasi kontrak, mutu dan skop perkhidmatan yang ditetapkan;

- 4.1.6 Memastikan keberkesanan pelaksanaan penyiaran pengiklanan oleh Fakulti/Jabatan di bawah kawalannya diadakan bersesuaian dengan kumpulan sasaran yang dikenal pasti serta memastikan tujuan penyiaran pengiklanan memenuhi impak yang hendak yang dicapai; dan;
- 4.1.7 Mengambil tindakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 59 sekiranya pegawai-pegawai yang menguruskan perolehan gagal mematuhi peraturan semasa yang ditetapkan.

KAWALAN DAN PEMANTAUAN


- 5.1 Unit Audit Dalam UMP adalah dikehendaki memantau pelaksanaan perolehan yang dilakukan agar mematuhi peraturan dan prosedur perolehan semasa yang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai Jumaat, 15 Februari 2019.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 15 Februari 2019

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang